

Hubungkan kawasan komersial dengan tempat tumpuan pengangkutan **RM100j bina jejantas, siar kaki**

ARDYHANSAH AMAT

KUALA LUMPUR 23 Julai—Sebanyak RM100 juta akan digunakan untuk projek pembinaan jejantas dan siar kaki berbumbung di sekitar kawasan segi tiga emas Kuala Lumpur.

Datuk Bandar, Datuk Seri Ahmad Fuad Ismail berkata, projek yang kosnya akan dibiaya oleh Petronas itu akan menghubungkan kawasan-kawasan komersial dengan kawasan tumpuan pengangkutan awam.

"Sebanyak lima fasa telah dirancang untuk dilaksanakan oleh KLCC Holdings Sdn. Bhd.

"Ketika ini, mereka sedang melaksanakan fasa pertama yang menghubungkan Hotel Impiana ke Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

"Pihak DBKL pula akan terlibat dalam pembinaan jejantas dan siar kaki dari Berjaya Times Square ke Lot 10 dan akan siap akhir tahun ini," katanya kepada pemberita semalam.

Ahmad Fuad berkata, jejantas dan laluan pejalan kaki itu akan menjadi

elemen yang penting pada masa akan datang terutamanya apabila konsep bangunan hijau dan bandar hijau diaplikasi kelak.

Katanya, ia juga akan menjadi salah satu kemudahan kepada orang ramai kerana laluan berbumbung itu akan menghubungkan satu bangunan ke satu bangunan lain.

"Bagaimanapun, DBKL masih perlu berbincang dengan pemilik-pemilik bangunan untuk bekerjasama bagi membolehkan jejantas dan siar kaki berkenaan disambungkan secara terus ke bangunan mereka.

"Selain itu, kita juga perlu mengambil kira beberapa aspek seperti pembinaan tersebut tidak menghalang bangunan mereka dan sebagainya," katanya lagi.

Selain DBKL dan Petronas, Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) turut terlibat dalam projek yang sama di enam stesen laluan sistem aliran transit ringan (LRT) iai-

tu di Plaza Rakyat, Hang Tuah, PWTC, Sultan Ismail, Bandaraya dan Pasar Seni.

Sementara itu, Ahmad Fuad menyampaikan hadiah sempena pertandingan reka bentuk jejantas dan pejalan kaki yang terbuka kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Terbahagi kepada tiga kategori iaitu Zon Warisan, Zon Perdagangan Pusat Bandar dan Zon Perancangan Transit, pertandingan itu disertai oleh tujuh buah IPT.

Pertandingan yang menawarkan hadiah RM3,000 bagi juara setiap kategori itu dibolot oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) yang memenangi kesemua kategori.

Selain UPM, pertandingan ini turut disertai oleh Politeknik Sultan Ahmad Shah, Politeknik Ungku Omar, Politeknik Merlimau, City University College of Science and Technology, Universiti UCSI dan Universiti Limkokwing.